

MAHATHIR-LARANG
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) — KERAJAAN PADA MASA DEPAN MUNGKIN AKAN MENGHARAMKAN EKSPORT BAHAN MENTAH YANG PADA MASA KINI HANYA MENGHASILKAN DUTI EKSPORT SAHAJA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KERAJAAN JUGA MUNGKIN MENGENAKAN DUTI EKSPORT YANG LEBIH TINGGI TERHADAP BAHAN-BAHAN MENTAH YANG KELUAR DARI NEGARA INI TANPA SEKATAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN MENGENAI PELABORAN DI MALAYSIA TAJAAN AKHBAR 'FINANCIAL TIMES' DI SINI.

KATANYA APABILA EKONOMI NEGARA INI SEMAKIN PESAT, KERAJAAN MUNGKIN DIDESAK MENGENAKAN LANGKAH-LANGKAH DEMIKIAN OLEH PARA AHLI PERNIAGAAN SWASTA YANG NAMPAK MASA DEPAN CERAH BAGI PERUSAHAAN MEMPROSES BAHAN-BAHAN MENTAH ITU DI MALAYSIA SEBELUM IA DIEKSPORT.

KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN DEMIKIAN GUNA MENJAMIN BAHAN-BAHAN MENTAH ITU MUDAH DIPEROLEHI PADA HARGA YANG BERPATUTAN OLEH PEKILANG-PEKILANG DI MALAYSIA DAN DENGAN ITU MENUNJUKKAN KEYAKINAN MEREKA TERHADAP MASA DEPAN NEGARA INI, KATANYA. — BERSAMBUNG 1309/A1

B544

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PENIAGA ASING DAN TEMPATAN YANG TERLIBAT DALAM PENEROKAAN DAN EKSPORT SUMBER-SUMBER ASLI NEGARA INI BAHAWA ADALAH TIDAK WAJAR BAGI MEREKA BERANGGAPAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBENARKAN MEREKA MENGEKSPORT SUMBER-SUMBER ITU TERUS-MENERUS DAN MENSUSUTKAN KHAZANAH NEGARA.

+SAMA SEPERTI KERAJAAN TELAH MENGHARAMKAN EKSPORT BEBERAPA JENIS KAYU BALAK DAN MENGENAKAN DUTI EKSPORT KE ATAS MINYAK SAWIT MENTAH, BIJIH TIMAH DAN GETAH, JADI BOLEHLAH DIHARAPKAN BAHAWA KITA AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGETATKAN ALIRAN KELUAR SUMBER-SUMBER ASLI MALAYSIA DAN EKSPORT BAHAN-BAHAN ITU DALAM BENTUK BELUM DIKILANG. + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH PERLU SEPERTI ITU BAGI MENJAMIN MALAYSIA AKAN TERUS MERUPAKAN PUSAT BAGI KEGIATAN PENGELUARAN YANG MANTAP DAN MENGUNTUNGKAN.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK BOLEH TERUS HANYA MENJADI PENGEKSORT BAHAN-BAHAN MENTAH SEMATA-MATA TETAP: HENDAKLAH MEMPROSES DAN MENOKOK NILAI TERHADAP BARANGAN UTAMANYA. -- BERSAMBUNG 1545/SZ

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENGAKUI KENYATAAN BAHAWA PELABURAN TELAH BANYAK DILAKUKAN DALAM PERKILANGAN DAN ALAT-ALATAN SERTA DALAM PENGAMBILAN BURUH DI NEGARA-NEGARA MAJU DI MANA BAHAN MENTAH MALAYSIA DIKILANGKAN PADA KADAR HARGA YANG TIDAK EKONOMIK.

KATANYA, INI TIDAK BERERTI BELIAU MENGSYORKAN OPERASI PERKILANGAN DITUTUP DENGAN SEGERA DAN DENGAN ITU MENGKUCAR-KACIRKAN NEGARA-NEGARA MAJU.

+SAYA INGIN MENCADANGKAN SUPAYA USAHA PEMBESARAN KEUPAYAAN KILANG-KILANG TIDAK DILAKUKAN DI KALNGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG TIDAK MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN MENTAH SENDIRI. + TEGASNYA.

SEBARANG PEMBESARAN KEPADA KEUPAYAAN KILANG-KILANG ITU HENDAKLAH DILAKUKAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI MANA TERDAPATNYA BAHAN MENTAH ITU.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BERHAK MENYUARAKAN RASA TIDAK PUAS HATI MEREKA BAHAWA DENGAN MENGEKSORT BARANG-BARANG MENTAH DALAM BENTUK TIDAK SIAP DAN SEPARUH SIAP ADALAH SAMA SEPERTI MENGEKSORT PELUANG-PELUANG PEKERJAAN. -- BERSAMBUNG 1550/SZ

B546

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

IA JUGA SAMA SEPERTI MENGEKSORT PENDAPATAN TUKARAN ASING YANG SEHARUSNYA DIMILIKI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, JELASNYA.

+SEBALIKNYA, DALAM HUBUNGAN INDUSTRI ELEKTRONIK, LANGKAH MEMBAWA KILANG-KILANG ELEKTRONIK DARI NEGARA-NEGARA MAJU KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN ADALAH SATU USAHA BAGI MENDAPATKAN FAEDAH BERSAMA.

TETAPI LANGKAH SEKARANG MENGEKSORT BAHAN-BAHAN MENTAH DARI NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK DIPROSES DAN DIHANTAR SEMULA KE NEGARA MAMBANGUN ADALAH BERTENTANGAN DENGAN KONSEP ITU.

KIRA-KIRA 300 ORANG PESERTA MENGHADIRI PERSIDANGAN DUA HARI ITU YANG DITAJA OLEH AKHBAR FINANCIAL TIMES DAN BUMIPUTRA MERCHANT BANKERS BERHAD.

-- BERNAMA 1555/SZ